



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Persisi mungkin batal lawatan ke Indonesia

Berita Harian, 12 February 1999, Page 19

Article also available on Microfilm Reel NL21697

Printer-Friendly Page

Persisi mungkin batal lawatan ke Indonesia

Pergolakan di negara jiran antara sebab

SILAT Oleh **YUSOFF A. RAHMAN**

RANCANGAN Persekutuan Silat Singapura (Persisi) untuk mengadakan lawatan ujian ke Indonesia dalam Jun ini mungkin dibatalkan.

Mengikut rancangan itu, Persisi akan membawa para pesilatnya untuk mengadakan latihan sambil bertanding di Bali, Surabaya dan juga Jakarta.

"Tetapi, oleh keadaan politik yang tidak menentu di Indonesia maka besar kemungkinan rancangan itu dibatalkan," kata Setiausaha Persisi, Aej Karmak, semalam.

Tambahan lagi, Pilihanraya Umum Indonesia juga

akan diadakan pada bulan tersebut.

Selain soal pergolakan di Indonesia, Persisi juga mengambil kira soal kedudukan kewangannya.

Menurutnya, pihak Persisi masih menunggu bantuan kewangan daripada Majlis Sukan Singapura (SSC).

"Kami juga ada meminta bantuan kewangan jangka panjang daripada Singapore Pools," beliau memberitahu.

Setiausaha Agung Persisi tidak menafikan bahawa lawatan ke Indonesia adalah baik untuk para pesilat kerana ia akan memberikan mereka peluang bukan saja menimba pengalaman bahkan mengukur tahap kemampuan menjelang Sukan SEA Brunei

dari 7 hingga 15 Ogos ini.

Bagaimanapun, beliau menarik perhatian bahawa Persisi boleh mengalihkan perhatiannya ke Malaysia.

Ini adalah kerana perbelanjaan ke sana adalah lebih murah.

Persisi merancang mengatur lawatan ke Johor, Melaka dan Kuala Lumpur.

Dalam perkembangan lain, jurulatih nasional, Sheik Aluddin, memberitahu satu ujian akan diadakan pada awal April dalam menentukan senarai pesilat untuk ke Brunei.

Persisi akan memilih seramai 28 pesilat untuk bersaing merebut 22 pingat emas yang dipertandingkan termasuk 10 dalam acara olahraga.